




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 2 – 5 JULAI 2021

BIL. 21 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 5 Julai 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 710,018** atau 90.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **69,447 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **6,387 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **785,039 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.6 peratus** atau **6,361 kes** daripada catatan harian dengan **76.5 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 26 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi **kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 44.1 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.6 peratus), Zon Selatan (17.9 peratus), Zon Utara (11.5 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.8 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **2,610 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (819 kes), Negeri Sembilan (523 kes), Sarawak (424 kes), Johor (324 kes) dan Pahang (312 kes). Sejumlah **5,574 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **77 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 4 Julai 2021 menunjukkan seramai **6,388,399** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Sarawak menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **1,197,283** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,154,186. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Selangor (1,095,958), Johor (472,429), Sabah (387,000), Perak (371,005), Pulau Pinang (328,969), Kedah (250,804) sementara Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 224,162 dan 222,684. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **9,006,715** meliputi **6,388,399** penerima bagi **dos pertama** manakala **2,618,316** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - US: **Penambahan 850,000 pekerjaan pada bulan Jun 2021.** Pertumbuhan pekerjaan melonjak lebih tinggi pada bulan Jun 2021

apabila perniagaan di US pulih dengan cepat. Labor Department melaporkan pekerja di sektor bukan pertanian meningkat 850,000 pada bulan rujukan, berbanding dengan anggaran Dow Jones pada 706,000. Prestasi ini adalah lebih tinggi berbanding 583,000 pada Mei 2021. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran meningkat kepada 5.9% berbanding jangkaan 5.6%. Kenaikan kadar pengangguran berlaku walaupun kadar penyertaan tenaga kerja tidak berubah pada 61.6%. Peningkatan ini disumbangkan oleh pekerja yang tidak aktif dan pekerjaan sambilan atas alasan ekonomi yang turun mendadak kepada 9.8%, dengan penurunan 0.4% mata peratus menjadikan kadar pengangguran sebenar di bawah 10% untuk pertama kalinya sejak Mac 2020. (CNBC)

- **US: Defisit perdagangan meningkat pada bulan Mei 2021.** Laporan Commerce Department US menunjukkan defisit perdagangan AS melebar pada Mei 2021 apabila nilai import meningkat jauh lebih tinggi daripada eksport. Jumlah defisit perdagangan meningkat menjadi US71.2 bilion pada bulan rujukan daripada US69.1 bilion pada April 2021. Defisit perdagangan yang lebih tinggi disumbangkan oleh nilai import yang melonjak 1.3% kepada US277.3 bilion pada Mei 2021 dari US273.8 bilion pada April 2021. Peningkatan import bekalan dan bahan industri telah mengimbangi penurunan ketara dalam import barang modal seperti komputer. Sementara itu, laporan menunjukkan nilai eksport meningkat 0.6% menjadi US206.0 bilion pada Mei 2021 daripada US204.7 bilion pada April 2021. (RTT)
- **US: Pesanan sektor Pembuatan meningkat semula pada Mei 2021.** Pesanan baharu untuk barang Pembuatan AS pulih secara mendadak pada Mei 2021, sementara perbelanjaan perniagaan untuk peralatan tetap kukuh, walaupun terdapat rintangan dalam rantai bekalan. Commerce Department US melaporkan bahawa pesanan Pembuatan melonjak 1.7% pada Mei 2021 setelah merosot -0.1% pada April 2021. Penganalisis ekonomi meramalkan pesanan Pembuatan meningkat 1.6%. Pesanan meningkat 17.2% berdasarkan perbandingan tahun ke tahun. Pembuatan menyumbang 11.9% ekonomi US. Rangsangan fiskal yang besar meningkatkan permintaan untuk barang-barang pembuatan yang tahan lama semasa pandemik COVID-19, dengan berjuta-juta rakyat US bekerja dan belajar dari rumah. (Reuters)
- **EU: Indeks harga pengeluar zon Eropah meningkat pada Mei 2021.** Harga pengeluar zon euro meningkat pada kadar yang lebih cepat pada Mei 2021 disebabkan oleh kenaikan kos bahan api. Data dari EUROSTAT menunjukkan, indkes harga pengeluar industri meningkat 9.6% tahun ke tahun, berikutan kenaikan 7.6% pada April 2021. Penganalisis ekonomi telah meramalkan kenaikan tahunan sebanyak 9.5%. Tidak termasuk bahan api, inflasi harga pengeluar meningkat kepada 4.9% daripada 3.6% tahun ke tahun pada bulan sebelumnya.

Harga tenaga meningkat mendadak sebanyak 25.1% pada bulan Mei 2021. Harga barang pertengahan meningkat 9.2% dan harga barang modal naik 1.8%. Harga barang pengguna tahan lama dan barang pengguna tidak tahan lama masing-masing naik 2% dan 1.9%. (RTT)

- **EU: Rekod pengangguran Spain turun pada bulan Jun 2021.** Laporan dari Labor Ministry menunjukkan bilangan pengangguran yang didaftarkan menurun sebanyak 166,911 pada bulan Jun setelah turun 129,378 pada bulan Mei 2021. Ini adalah penurunan keempat berturut-turut. Berbanding Jun 2020, pengangguran menurun sebanyak 248,544 orang atau 6.43%. Mengikut sektor ekonomi, penurunan disumbangkan oleh peningkatan pekerjaan di sektor Perkhidmatan (131,217) dan Pembuatan (12,698). Sektor Pembinaan meningkat 11,763 orang, manakala pengangguran meningkat 1,882 di sektor Pertanian. Pengangguran di kalangan mereka yang berusia di bawah 25 tahun menurun sebanyak 23,557 atau 7.3% berbanding bulan sebelumnya. (RTT)
- **CHINA: Eksport kenderaan China meningkat dengan pesat walaupun kekurangan bekalan cip global.** China Passenger Car Association (CPCA) melaporkan bahawa China mengeksport kira-kira 760,000 kereta dalam lima bulan pertama tahun ini, meningkat 103% tahun ke tahun. Destinasi eksport utama merangkumi Chile, Arab Saudi, Rusia dan Australia. Eksport kenderaan tenaga baharu (NEV) melonjak, terutamanya ke Eropah Barat. Pada Mei 2021, eksport mencapai hampir 20,000 unit, didorong oleh eksport Tesla dari Gigafactory di Shanghai. (The Edge)
- **SOUTH KOREA: Inflasi perlahan pada bulan Jun 2021.** Inflasi harga pengguna South Korea menyederhana pada Jun 2021 tetapi tetap berada di atas sasaran bank pusat untuk bulan ketiga berturut-turut. Statistik dari Korea Statistics menunjukkan harga pengguna meningkat 2.4% tahun ke tahun pada bulan Jun 2021, lebih perlahan daripada kenaikan 2.6% pada bulan Mei 2021. Kadar inflasi 2.6% yang dicatatkan pada Mei 2021 adalah yang tertinggi sejak awal 2012. Pada perbandingan bulan ke bulan, harga pengguna turun -0.1%, berbanding kenaikan 0.1% pada Mei 2021. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) bertujuan **memberikan bantuan dan sokongan untuk pemulihan PKS dalam sektor perkhidmatan**. Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (AES) yang terbuka kepada PKS daripada semua sektor ekonomi adalah bertujuan untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan dan menyokong pertumbuhan.
2. **Kerja-kerja pembinaan dan yang berkaitan dengannya perlu dihentikan serta merta di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** yang melibatkan beberapa mukim di Selangor dan lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula 3 Julai sehingga 16 Julai.
3. Kementerian Pendidikan **memberikan pengecualian bagi bayaran sewa premis di sekolah di bawah seliaan kementerian**. Pengecualian bayaran ini adalah bagi tempoh 6 bulan bermula pada Julai 2021.
4. Lazada dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Malaysia Digital Economy Corp akan **menyokong perusahaan kecil dan sederhana tempatan dan produk melalui inisiatif "Shop Malaysia Online" dan "Go-eCommerce"**.
5. Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia meminta kerajaan untuk membenarkan kilang elektrik dan elektronik (E&E) di Selangor dan Kuala Lumpur beroperasi semasa perintah kawalan pergerakan yang dipertingkatkan (PKPD) memandangkan kira-kira **7 peratus daripada jumlah perdagangan semikonduktor global disumbangkan ke seluruh Malaysia**.
6. Kedudukan Malaysia dalam **rantaian bekalan global sebagai hab komponen automotif, dengan hasil eksport RM13.7 bilion bakal terancam** kerana pandemik COVID-19 yang telah mengganggu proses pengeluaran.
7. **Inventori minyak sawit Malaysia pada akhir bulan Jun mungkin mencecah paras tertinggi sembilan bulan ketika pengeluaran melonjak**. Stok pengeluar kedua terbesar di dunia dilihat meningkat untuk bulan keempat berturut-turut sebanyak 7.5% dari akhir Mei pada 1.69 juta tan.
8. Kementerian Kesihatan (KKM) akan **memperluaskan penyumberluaran (outsourcing) pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta** bagi membolehkan Hospital Kuala Lumpur (HKL) menerima dan merawat lebih

ramai pesakit COVID-19. Rawatan ini akan dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan sesuai dengan Ordinan Darurat.

9. **Purata harga jualan (ASP) sarung tangan nitril dijangka mencapai purata US\$65 dan US\$75 bagi setiap 1000 keping pada separuh kedua tahun 2021.** Walaupun ASP merosot, kekurangan bekalan sarung tangan pakai buang masih berlaku dan keadaan ini dijangka berakhir sehingga 2023 sebelum bekalan dapat memenuhi permintaan. Jangkaan kes COVID-19 yang akan kembali meningkat, perkara ini turut akan meningkatkan permintaan sarung tangan pakai buang.
10. **DHL Express telah menyempurnakan penghantaran sekitar 1,000,000 dos vaksin Pfizer-BioNTech sumbangan kerajaan Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia** sebagai sebahagian daripada komitmen AS baru-baru ini untuk membantu usaha pemulihan di seluruh dunia. Penghantaran itu dapat dilakukan menerusi program Akses Global Vaksin Covid-19 (COVAX) yang bertujuan mempercepatkan akses global bagi imunisasi menentang pandemik berkenaan. Setakat ini, **DHL telah menghantar lebih daripada 300 juta dos vaksin yang diluluskan ke seluruh dunia dengan lima juta daripadanya adalah ke Malaysia.**
11. **Sektor pembuatan Malaysia berdepan risiko kehilangan momentum lebih besar jika peralihan ke fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN)** tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Menurut Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), **jumlah kes COVID-19 yang masih tinggi memberi isyarat peralihan ke fasa seterusnya PPN akan mengambil tempoh yang panjang daripada yang dirancang oleh kerajaan.** Seterusnya akan memberi impak negatif kepada sektor Pembuatan. Oleh itu, pelaksanaan pembukaan negeri atau kawasan tertentu yang mencatatkan jumlah kes yang rendah diberikan kelonggaran beroperasi tanpa perbezaan antara sektor penting dan tidak penting. Manakala sekatan pergerakan penuh dilaksanakan secara bersasar dan tidak menyeluruh, hanya tertumpu kepada negeri dan kawasan tertentu.
12. **Persatuan runcit berharap semua pusat membeli-belah dan rangkaian runcit boleh dibuka semula pada 15 Julai, atau apabila sasaran 10 peratus vaksinasi dicapai.** Sekiranya ekonomi terus ditutup secara berterusan, **dijangka hampir 500 ribu pekerja yang terlibat dalam industri ini akan diberhentikan.**
13. **Malaysian Aerospace Industry Association (MAIA)** menggesa kerajaan **mempertimbang semula dan membenarkan industri berkenaan dan rantai bekalannya meneruskan operasi supaya negara mendapat tempat dalam arena aeroangkasa global.** Penutupan hanya akan menggalakkan

negara lain yang tidak terjejas teruk mengambilalih perniagaan industri ini. **Hal ini akan memberi kesan buruk ke atas pekerja berkemahiran tinggi Malaysia.**

14. **Bank Negara Malaysia menambah peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)** bertujuan memberikan bantuan dan sokongan untuk pemulihan PKS dalam sektor perkhidmatan. **BNM juga akan menambah peruntukan untuk Kemudahan semua sektor Ekonomi (AES) sebanyak RM2 bilion**, yang terbuka kepada PKS daripada semua sektor ekonomi bertujuan untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan dan menyokong pertumbuhan.
15. **Industri huluan sawit sangat bergantung kepada buruh asing dan kekurangan tenaga kerja** dalam sektor ini **dianggarkan sekitar 32,000 orang**. Sehubungan itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memberi **fokus bagi pembangunan jentera ladang** terutama kerja-kerja **penuaian buah sawit dan pengangkutan di ladang**. Untuk tujuan itu, Kementerian mengumumumkan penubuhan Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) bagi meningkatkan penyelidikan dan pembangunan.
16. **Aktiviti penanaman padi di Kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** seperti Ijok di Kuala Selangor dibenarkan beroperasi bagi mengelakkan masalah kekurangan bekalan **beras** dalam negara. Petani yang mengusahakan sawah padi perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan untuk mengelakkan jangkitan COVID-19.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 3 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Persatuan harap pusat beli-belah dibuka selepas terima vaksin</p> <p>Persatuan runcit di Malaysia berharap semua pusat beli-belah dan rangkaian runcit boleh dibuka semula pada 15 Julai atau apabila sasaran 10 peratus vaksinasi dicapai, yang mana lebih awal.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/835126/persatuan-harap-pusat-beli-belah-dibuka-selepas-terima-vaksin
2.	Berita Harian 3 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kerja pembinaan dihentikan di kawasan PKPD</p> <p>Beberapa mukim di Selangor dan lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikenakan PKPD selama 14 hari bermula 3 Julai sehingga 16 Julai. Pemberhentian serta merta bagi kerja-kerja pembinaan dan yang berkaitan dengannya di kawasan PKPD. Namun, pengecualian diberikan kepada kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan pendawaian yang bersifat kritikal berdasarkan janji temu.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/835093/kerja-pembinaan-dihentikan-di-kawasan-pkpd
3.	The Edge 4 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>MOE grants six-month exemption for rental of canteen, premises in govt schools</p> <p>Ministry of Education (MOE) has granted an exemption for rental of canteen and premises or space at schools under its administration for a period of six months from July.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/moe-grants-sixmonth-exemption-rental-canteen-premises-govt-schools

		<p>The exemption includes premises or space such as bookshops, cooperatives, launderettes, vending machines. An automatic contract extension will also be given to those renting canteens and premises or space at schools under the MOE for a period of one year upon expiry of the original contract. Meanwhile for building and area cleanliness services, payments to the contractors will be made in full as stated in the contracts.</p>	
4.	Utusan Malaysia 4 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Yadim sediakan saluran mohon bantuan lebih mudah</p> <p>Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) memperkenalkan kaedah permohonan bantuan yang lebih mudah, cepat dan mesra pengguna.</p> <p>Pemohon bantuan cuma perlu menghantar butiran diri menerusi aplikasi WhatsApp.</p> <p>Sehingga Jun lalu, agihan bantuan lebih RM500 juta berupa wang tunai, dana perniagaan, latihan kemahiran, bank makanan, makanan sedia untuk dimakan, wakaf kesihatan, projek baik pulih serta bina rumah, bantuan komputer riba dan sebagainya telah dilaksanakan oleh agensi-agensi agama di seluruh Malaysia.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/yadim-sediakan-saluran-mohon-bantuan-lebih-mudah/

<p>5. Metro 5 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i></p>	<p>Subsidi upah benteng pertama bantu PKS, pastikan pengangguran rendah</p> <p>Pelaksanaan Program Subsidi Upah (PSU) dan moratorium pinjaman merupakan langkah proaktif bagi memastikan pengangguran yang rendah dengan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengekalkan pekerja. Secara umumnya, PSU terbuka kepada PKS yang mengalami sekurang-kurangan 30 peratus penurunan Pendapatan. PKS menerima subsidi upah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja yang meraih pendapatan di bawah RM4,000 sebulan untuk sehingga 500 pekerja bagi setiap PKS.</p>	<p>https://www.sinarhari-an.com.my/article/148157/BERITA/Nasional/Subsidi-upah-benteng-pertama-bantu-PKS-pastikan-pengangguran-rendah</p>
---	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kerja-kerja pembinaan dan yang berkaitan dengannya perlu dihentikan serta merta di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang melibatkan beberapa mukim di Selangor dan lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula 3 Julai sehingga 16 Julai.
2. Kementerian Pendidikan memberikan pengecualian bagi bayaran sewa premis di sekolah di bawah seliaan kementerian. Pengecualian bayaran ini adalah bagi tempoh 6 bulan bermula pada Julai 2021.
3. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) memperkenalkan saluran bantuan yang lebih mudah, iaitu pemohon hanya perlu sertakan nama, nombor kad pengenalan (MyKad), alamat serta nombor telefon dan hantar menerusi aplikasi WhatsApp.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengecualian bayaran sewa ini dilihat dapat mengurangkan beban pengusaha dalam mengharungi cabaran pandemik. Pengecualian bayaran tersebut akan memberi impak kepada hasil sewaan yang diterima oleh MoE bagi tempoh 6 bulan.

2. Saluran bantuan yang lebih mudah yang telah diperkenalkan akan memberikan akses kepada lebih ramai pemohon yang memerlukan, seterusnya meningkatkan aliran tunai golongan tersebut dan dapat menjana ekonomi secara keseluruhan dengan lebih baik.
3. Sektor Pembinaan merupakan antara penyumbang kepada prestasi ekonomi negeri. Pada tahun 2020, sektor Pembinaan Selangor menguncup 9.7 peratus berbanding pertumbuhan positif dua digit iaitu 10.8 peratus pada tahun sebelumnya. Kemerosotan ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Berita Harian 2 Julai 2021 <i>(non-essential)</i>	Affin peruntuk RM20 juta skim BizDana-i Start-Up Affin Bank Bhd memperkenalkan tranche kedua skim pembiayaan BizDana-i Start-Up dengan peruntukan baharu sebanyak RM20 juta, meningkat daripada RM15 juta yang diperuntuk pada Oktober tahun lalu. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wan Razly Abdullah Wan Ali, berkata skim pembiayaan itu menyediakan modal kerja yang bertujuan membantu usahawan baharu dengan pelan perniagaan yang praktikal dan menyakinkan untuk mengembang dan menyokong pertumbuhan perniagaan mereka dengan pembiayaan sehingga RM300,000 dan tempoh pembayaran sehingga 84 bulan untuk syarikat pemula niaga yang layak.	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/07/834629/affin-peruntuk-rm20-juta-skim-bizdana-i-start

2.	Harian Metro 2 Julai 2021 <i>(non-essential)</i>	MR DIY tawar baucar pulangan tunai MR DIY Group (M) Berhad (MR DIY) bekerjasama dengan ShopeePay dan Touch 'n Go eWallet untuk inisiatif eBelia dengan menawarkan baucar pulangan tunai dari MR DIY. Pengguna ShopeePay akan menerima baucar pulangan tunai bernilai RM5 yang boleh ditebus semula di cawangan MR DIY dan MR DOLLAR dengan pembelian minimum RM10 manakala pengguna Touch 'n Go eWallet akan menerima baucar pulangan tunai bernilai RM2 yang boleh ditebus di cawangan MR DIY dengan perbelanjaan minimum RM40. Semua baucar yang diberikan akan mengikut konsep siapa cepat dia dapat dan penebusan adalah terhad kepada satu baucar bagi setiap penerima eBelia.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/725352/mr-diy-tawar-baucar-pulangan-tunai
3.	Kosmo 2 Julai 2021 <i>(essential)</i>	Industri kelapa sawit rugi RM10 bilion Industri kelapa sawit negara dianggarkan mengalami kerugian kira-kira RM10 bilion setahun susulan masalah kekurangan tenaga buruh asing yang diburukkan lagi dengan situasi pandemik. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, industri huluhan kelapa sawit sangat bergantung kepada buruh asing dan kekurangan tenaga	https://www.kosmo.com.my/2021/07/02/industri-kelapa-sawit-rugi-rm10-bilion/

		kerja dalam sektor ini adalah sekitar 32,000 orang.	
4.	Bernama 2 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Niaga hadapan MSM ditutup tinggi teruskan momentum meningkat</p> <p>Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives mengekalkan momentum meningkatnya bagi hari keempat berturut-turut hari ini mendapat rangsangan daripada jangkaan permintaan tinggi terutamanya dari India.</p> <p>Pada penutup dagangan, kontrak niaga hadapan MSM bagi Julai 2021 meningkat RM56 untuk ditutup kepada RM3,898 setan metrik, Ogos 2021 naik RM71 kepada RM3,864 setan metrik, September 2021 meningkat RM79 kepada RM3,789 setan metrik dan Oktober 2021 menokok RM87 kepada RM3,713 setan metrik.</p>	https://www.bernama.com/bm/pasaran/news.php?id=1978493
5.	Berita Harian 2 Julai 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>500,000 tuntut kredit eBelia di ShopeePay</p> <p>Seramai 500,000 orang sudah menuntut kredit e-tunai bernilai RM150 menerusi program eBelia yang bermula pada Selasa melalui ShopeePay. Selain ganjaran tambahan bernilai RM500, ShopeePay turut menjalin kerjasama dengan jenama utama menawarkan penghantaran percuma dengan perbelanjaan minimum RM6, diskaun 66 peratus serta baucar</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/06/823486/500000-tuntut-kredit-ebelia-di-shopeepay

		<p>harian semasa '6.6 Jualan Hebat' yang berlangsung sehingga 6 Jun ini.</p>	
6.	New Straits Times 2 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Lazada joins MoF, MDEC to support Malaysian SMEs</p> <p>Lazada, together with the Ministry of Finance (MoF) and Malaysia Digital Economy Corp (MDEC), will support local small and medium enterprises (SMEs) and products through its "Shop Malaysia Online" and "Go-eCommerce" initiatives.</p> <p>Lazada Malaysia chief operating officer Darren Rajaratnam said it saw local communities playing an active role to spur economic recovery through online consumption, with sales of close to RM130 million during the Shop Malaysia Online campaign last year. In addition, more than 300 per cent increase in new MSMEs onboarding our eCommerce platform.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/07/704360/lazada-joins-mof-mdec-support-malaysian-smes
7.	The Edge Markets 3 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Semiconductor players warn of major industry impact if E&E ops not allowed to operate under EMCO</p> <p>The Malaysia Semiconductor Industry Association (MSIA) is appealing to the government to allow electrical and electronics (E&E) factories in Selangor and Kuala Lumpur to operate during the enhanced movement control order (EMCO).</p> <p>Malaysia is a key player in the global semiconductor trade.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/semiciconductor-players-warn-major-industry-impact-if-ee-ops-not-allowed-operate-under-emco

		Approximately 7% of total global semiconductor trade flows through Malaysia. In addition, it is a major part of the global electronics supply chain with E&E exports at 39% (RM386 billion) of Malaysia's total export and contributed 6.8% of national gross domestic product (GDP) and employed 575,000 in 2020.	
8.	The Stars 3 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Covid-19: Pulau Mutiara wholesale market closed until further notice The Pulau Mutiara wholesale market in Gat Lebuh Macallum here will be closed from Saturday (July 3) until further notice due to the detection of a Covid-19 case. According to The Stars, there are 145 units in the wholesale market and over 30 stalls at the wet market next to it.	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/07/03/covid-19-pulau-mutiara-wholesale-market-closed-until-further-notice
9.	The Edge Markets 3 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	TnG Group partners MoF, MDEC to accelerate e-commerce, online shopping Touch 'n Go Group (TnG) announced its partnership with the Ministry of Finance (MoF) and Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) to drive Budget 2021 initiatives via the Go-eCommerce Onboarding and Shop Malaysia Online (SMO) campaigns.	https://www.theedgemarkets.com/article/tng-group-partners-mof-mdec-accelerate-ecommerce-online-shopping
10.	Utusan 4 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Segerakan vaksin pemain industri peruncitan, perdagangan Kerajaan perlu menyegerakan	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/segerakan-vaksin-pemain-industri-peruncitan-perdagangan

		<p>pemberian vaksin COVID-19 kepada pemain industri perdagangan, pengedaran dan peruncitan di seluruh negara bagi membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi domestik.</p> <p>Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, berdasarkan data dan statistik yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan, sektor perdagangan domestik mengekalkan prestasi cemerlang dalam membendung penyebaran jangkitan Covid-19, iaitu hanya 0.8 peratus daripada keseluruhan kluster manakala tahap pematuhan prosedur operasi standard adalah sebanyak 98.5 peratus.</p>	<u>peruncitan-perdagangan/</u>
11.	Free Malaysia Today 4 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Don't blow our place in the global component supply chain Malaysia's position in the global supply chain as an automotive component hub, with export revenue of RM13.7 billion, is under threat as Covid-19 lockdowns have disrupted production.	https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2021/07/04/dont-blow-our-place-in-the-global-component-supply-chain/
12.	New Straits Times 5 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Labour issues engulfing Big 4 glove firms give edge to new entrants? Negative impact on the allegation of unfair labour practices among the big four rubber glove players could provide an edge to new entrants, as they do not carry the	https://www.nst.com.my/business/2021/07/705171/labour-issues-engulfing-big-4-glove-firms-give-edge-new-entrants

		<p>burden of previous practices, Affin Hwang Capital (Affin Hwang) said.</p> <p>Kossan Rubber Industries Bhd and Hartalega Holdings Bhd have been accused by activists of unfair labour practices, similar to Top Glove Corporation Bhd, which had its products restricted from entering the US by the US Customs and Border Protection.</p>	
13.	Metro Harian 5 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Aliran tunai PKS</p> <p>Perusahaan kecil dan sederhana serta mikro (PKSM) yang masih boleh meneruskan operasi tanpa moratorium disarankan tidak memohon moratorium automatik yang ditawarkan dalam Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih).</p> <p>Moratorium automatik selama enam bulan yang diberikan kepada semua peminjam PKSM dilihat dapat membantu memulihkan aliran tunai mereka yang terkesan ketika ini. Bagaimanapun, penangguhan pembayaran pembiayaan pinjaman ini bukan dengan kadar faedah sifar.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/726588/aliran-tunai-pks
	Subsektor Pengangkutan		
14.	Astro Awani 3 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Bekas ejen 'Pos Rider' diutamakan untuk khidmat sambilan - Pos Malaysia</p> <p>Pos Malaysia akan mengutamakan bekas ejen 'Pos Rider' untuk berkhidmat secara</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-ejen-pos-rider-diutamakan-untuk-khidmat-sambilan-

		sambilan dengan syarikat itu, sekiranya terdapat peningkatan jumlah bungusan.	pos-malaysia-306471
15.	Sinar Harian 5 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Pengusaha bas tanggung kerugian Pengusaha bas tempahan dan pelancongan terpaksa menanggung kerugian besar sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan pada Mac tahun lalu akibat pandemik Covid-19.	https://www.sinarharian.com.my/article/148117/EDISI/Pengusaha-bas-tanggung-kerugian
	Subsektor Kesihatan		
16.	The Edge Malaysia 2 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	New state-of-the-art Covid-19 private health screening facility at KLIA by BP Healthcare to provide safe, quick, and comfortable arrival experience BP Clinical Lab Sdn Bhd - through its collaboration with Malaysia Airports - will be providing state-of-the-art Covid-19 screening facilities at KLIA which includes an onsite Covid-19 laboratory in the airport itself. This will allow test results to be churned out much quicker and passengers can therefore look forward to a shorter waiting time upon arrival. BP Clinical Lab has the capability to produce RTK-Ag results targeted within 15 minutes and RT-PCR screening test results targeted within three hours.	https://www.theedgegemarkets.com/content/advertise/news-stateoftheart-covid19-private-health-screening-facility-klia-bp-healthcare-provide-safe

17.	<p>Melaka Hari Ini 2 Julai 2021 <i>(Essential)</i></p>	<p>Tiga hospital swasta Melaka dijadikan PPV awam bermula 5 Julai</p> <p>Melaka bakal membuka tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di hospital swasta yang dikhkususkan untuk vaksinasi orang awam dalam usaha mempercepatkan vaksinasi menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).</p> <p>Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah Negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, tiga hospital swasta itu adalah Hospital Pantai di Ayer Keroh, serta Mahkota Medical Centre dan Southern Eye Clinic Specialist Centre di Melaka Raya yang akan dibuka bermula Isnin ini.</p> <p>“Buat masa ini, kita telah meluluskan pemberian 200 dos sehari kepada Mahkota Medical Centre atau bersamaan 1,000 dos seminggu.</p> <p>“Hospital Pantai pula akan dibekalkan 100 dos sehari atau 500 dos seminggu, manakala Southern Eye Clinic Specialist Centre pula akan menerima 50 dos vaksin sehari atau bersamaan 250 seminggu.</p>	<p>https://www.melakahariini.my/tiga-hospital-swasta-melaka-dijadikan-ppv-awam-bermula-5-julai/</p>
-----	---	---	--

18.	Harian Metro 3 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysia terima lebih 12 juta dos vaksin bulan ini</p> <p>Malaysia bakal menerima lebih 12 juta dos vaksin Covid-19 bulan ini, sekali gus menjadikan tempoh tiga bulan akan datang sebagai kritikal dan mencabar dalam menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).</p> <p>Banyak PPV telah dibuka dalam pelbagai bentuk seperti di perkampungan Orang Asli, rumah ibadat, sekolah, universiti, dewan komuniti, tempat kerja, kawasan perladangan selain melaksanakan vaksinasi rumah ke rumah. 1,500 klinik swasta dan 120 hospital swasta juga akan terlibat sebagai PPV.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/725902/malaysia-terima-lebih-12-juta-dos-vaksin-bulan-ini
19.	The Edge Malaysia 4 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MoH to increase bed capacity, manpower in hospitals amid increase in Covid-19 patients with more severe symptoms</p> <p>The Ministry of Health (MoH) will be increasing bed capacity and manpower, as well as outsource more non-Covid-19 patients to private hospitals, to accommodate the influx of Categories 3 to 5 Covid-19 patients to the public healthcare system. The MoH will expand the outsourcing of non-Covid-19 patients to private hospitals to</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/moh-increase-bed-capacity-manpower-hospitals-amid-increase-covid19-patients-more-severe

		<p>allow HKL to admit and treat more Covid-19 patients.</p> <p>MoH will also increase the ICU and non-ICU bed capacity, including necessary equipment and facilities such as respiratory aids at MoH hospitals and university teaching hospitals (HPUs) such as the UKM Specialist Children's Hospital, Universiti Putra Malaysia, and Hospital Universiti Teknologi MARA, to treat more Covid-19 patients.</p>	
20.	Astro Awani 4 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta diperluas - Dr Adham</p> <p>Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperluaskan penyumberluaran (outsourcing) pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta bagi membolehkan Hospital Kuala Lumpur (HKL) menerima dan merawat lebih ramai pesakit COVID-19.</p> <p>Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, langkah afirmatif segera tersebut diambil untuk menangani keadaan luar jangka berhubung kedatangan atau rujukan pesakit yang tinggi ke hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Lembah Klang.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyumberluaran-pesakit-bukan-covid19-ke-hospital-swasta-diperluas-dr-adham-306590

21.	The Edge Malaysia 5 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Covid-19: Private hospitals to provide nurses to govt hospitals Most of the private hospital groups and stand-alone hospitals have agreed to provide trained nurses in batches to assist the government in managing Covid-19 patients in selected public hospitals in the Klang Valley. The Ministry of Health (MoH) has requested the Association of Private Hospitals Malaysia's members to provide nursing, medical officers, and specialists to work in public hospitals.	https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-private-hospitals-provide-nurses-govt-hospitals
22.	New Straits Times 5 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	KPJ to consolidate assets, services & focus on "hub-and-spoke" strategy KPJ Healthcare Bhd will focus on consolidating assets and services, with a keen interest in working alongside the government to strengthen Malaysia's healthcare system. KPJ Healthcare will continue developing existing projects, namely the Damansara Specialist Hospital 2 project at the Empire. This will continue throughout 2022 to 2023. KPJ said the 300-bed specialist hospital, about 100 metres from Empire City Damansara here, would boast the widest range of health services in a world-class	https://www.nst.com.my/business/2021/07/705239/kpj-consolidate-assets-services-focus-hub-and-spoke-strategy

		ambience, the latest healthcare technologies and equipment and efficient management services executing patients' needs.	
	Subsektor Makanan & Minuman		
23.	Malaysiakini 2 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Pengusaha kantin sekolah desak kerajaan lanjutkan moratorium sewa</p> <p>Setiausaha Persatuan Pengusaha Kantin Sekolah Malaysia (PPKSM), berkata, pengusaha kantin kini terbeban akibat penutupan sekolah berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).</p> <p>Pengusaha kantin sekolah menyatakan rasa kesal dengan sikap membisu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung rayuan mereka berkenaan lanjutan moratorium sewaan kantin selama enam bulan lagi.</p>	https://m.malaysiakini.com/news/581444
	Subsektor Penginapan		
24.	Sinar Harian 2 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Hotel besar pun angkat bendera putih</p> <p>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilanjutkan sehingga kini telah memberikan impak besar kepada semua pihak terutamanya bagi pihak pengusaha hotel. Hotel Istana, Kuala Lumpur bakal ditutup September depan susulan impak pandemik Covid-19.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/147592/KHAS/Pendapat/Hotel-besar-pun-angkat-bendera-putih

		<p>Secara keseluruhan sektor perhotelan negara sudah mengalami kerugian lebih RM11.3 bilion dan menganggarkan 20 buah hotel lagi ditutup tahun ini selepas 100 buah hotel menghentikan operasi tahun lalu akibat rugi besar, kata Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia, Yap Lip Seng.</p>	
25.	New Straits Times 4 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Chalet worker waves white flag for help after zero business since last year</p> <p>A clerk working at a chalet in Pengkalan Balak here had no choice but to wave the white flag for help after running low on food supplies. Since MCO started the chalet has zero customers for a year, the chalet operator working for is struggling to stay afloat due to the crises following the Covid-19 pandemic, said Ririn Sukarma.</p> <p>This compelled Ririn to hoist the white flag at the chalet as she and her seven-year-old son could no longer cope with the challenges they had to endure since the implementation of the Movement Control Order last year till the ongoing MCO3.0.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/704987/chalet-worker-waves-white-flag-help-after-zero-business-last-year
26.	Utusan Malaysia 4 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Tolak tempahan bilik hotel daripada kilang dalam kawasan PKPD</p> <p>Meskipun rangkaian hotel dan restorannya terjejas antara 70 hingga 90 peratus gara-gara Perintah Kawalan Pergerakan</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/tolak-tempahan-bilik-hotel-daripada-kilang-dalam-kawasan-pkpd/

		(PKP) sejak Mac tahun lalu, Nasmir Holding Sdn. Bhd. masih berpegang kepada prinsip tidak sesekali melanggar prosedur operasi standard (SOP) ketika beroperasi.	
	Subsektor Perkhidmatan Lain		
27.	Malaysia Gazette 3 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Lima negeri beralih ke Fasa 2 PPN mulai Isnin ini</p> <p>Lima negeri akan beralih kepada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuatkuasa 5 Julai ini selepas mencapai tiga indikator yang ditetapkan kerajaan pusat.</p> <p>Kelima-lima negeri itu adalah Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Perlis.</p> <p>Antara sektor yang dibenarkan beroperasi dalam Fasa 2 adalah kedai buku dan alat tulis, telekomunikasi, kedai cuci kereta, gunting rambut.</p>	https://malaysiagazette.com/2021/07/03/lima-negeri-beralih-ke-fasa-2-ppn-mulai-isnin-ini/
28.	Berita Harian 5 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Utamakan pelanggan lengkap dos vaksin</p> <p>Sejumlah 100 ahli Persatuan Pengusaha Mesin Rambut di Kelantan akan mengutamakan pelanggan yang sudah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19, selepas perkhidmatan itu dibenarkan beroperasi semula, hari ini.</p> <p>Langkah itu sebagai inisiatif menggalakkan orang ramai mengambil vaksin dan pada masa sama, melindungi pengusaha perkhidmatan berkenaan daripada risiko jangkitan COVID-</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/835707/utamakan-pelanggan-lengkap-dos-vaksin

		19. Ia juga bagi mewujudkan kepercayaan pelanggan supaya tidak bimbang untuk menggunting rambut di semua premis yang berdaftar sebagai ahli persatuan.	
Penemuan penting & isu:			
1.	Affin Bank Bhd. memperkenalkan tranche kedua skim pembiayaan BizDana-i Start-Up dengan peruntukan baharu sebanyak RM20 juta yang bertujuan membantu usahawan baharu dengan pelan perniagaan yang lebih praktikal.	2.	MR DIY bekerjasama dengan ShopeePay dan Touch 'n Go eWallet untuk inisiatif eBelia dengan menawarkan baucar pulangan tunai dari MR DIY dimana pengguna ShopeePay akan menerima baucar pulangan tunai bernilai RM5 yang boleh ditebus semula di cawangan MR DIY dan MR DOLLAR.
3.	Industri kelapa sawit negara dianggarkan mengalami kerugian kira-kira RM10 bilion setahun.	4.	Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah di Bursa Malaysia Derivatives mengekalkan momentum peningkatannya bagi hari keempat berturut-turut hari ini kerana mendapat rangsangan daripada jangkaan permintaan tinggi terutamanya dari India.
5.	Seramai 500,000 orang sudah menuntut kredit e-tunai bernilai RM150 menerusi program eBelia yang dituntut melalui ShopeePay.	6.	Lazada dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Malaysia Digital Economy Corp akan menyokong perusahaan kecil dan sederhana tempatan dan produk melalui inisiatif "Shop Malaysia Online" dan "Go-eCommerce".
7.	Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia meminta kerajaan untuk membenarkan kilang elektrik dan elektronik (E&E) di Selangor dan Kuala Lumpur beroperasi semasa perintah kawalan pergerakan yang dipertingkatkan (PKPD) memandangkan Kira-kira 7% daripada jumlah perdagangan semikonduktor global disumbangkan ke seluruh Malaysia.	8.	Pasar borong Pulau Mutiara di Gat Lebuh Macallum di sini akan ditutup mulai 3 Julai 2021 sehingga diberitahu kelak kerana pengesanan kes COVID-19. Terdapat 145 unit di pasar borong dan lebih dari 30 gerai di pasar basah terlibat dalam penutupan ini.

9. Touch 'n Go Group (TnG) mengumumkan kerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia untuk mendorong inisiatif Belanjawan 2021 melalui kempen Go-eCommerce Onboarding dan Shop Malaysia Online (SMO).
10. Kerajaan perlu menyegerakan pemberian vaksin COVID-19 kepada pemain industri perdagangan, pengedaran dan peruncitan di seluruh negara bagi membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi domestik bagi mengekalkan prestasi cemerlang industri ini yang hanya menyumbang 0.8 peratus daripada keseluruhan kluster manakala tahap pematuhan prosedur operasi standard adalah sebanyak 98.5 peratus.
11. Kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan global sebagai hab komponen automotif, dengan hasil eksport RM13.7 bilion bakal terancam kerana pandemik COVID-19 yang telah mengganggu proses pengeluaran.
12. Kesan negatif terhadap tuduhan amalan buruh tidak adil di antara empat pemain sarung tangan getah besar dapat memberi kelebihan kepada pendatang baru, kerana mereka tidak memikul beban amalan sebelum ini.
13. Perusahaan kecil dan sederhana serta mikro (PKSM) yang masih boleh meneruskan operasi tanpa moratorium disarankan tidak memohon moratorium automatik yang ditawarkan dalam Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih).
14. Terdapat penurunan ketara dalam jumlah mel biasa di seluruh negara dan seiring itu berlaku pertumbuhan e-dagang yang melonjakkan aktiviti kurier. Penurunan mel biasa menyebabkan lebihan kapasiti tenaga kerja dalam kalangan kakitangan penghantar pos.
15. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan pada Mac 2020, pengusaha bas tempatan dan pelancongan yang terpaksa menanggung kerugian terutama kos dengan pinjaman bas, sewaan pejabat dan kerosakan bas akibat lama tidak digunakan.
16. BP Clinical Lab telah dilantik oleh Malaysia Airports untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan di KLIA. Kerjasama ini tepat pada masanya ketika negara bersiap untuk membuka kembali sempadannya. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa semua penumpang yang memasuki negara ini diperiksa dengan sewajarnya untuk melindungi kesihatan dan keselamatan warganegara kita.

17. BP Healthcare Group mempunyai lebih daripada 120 outlets di seluruh negara. Sejak bermulanya wabak COVID-19, BP Clinical Lab telah menjalankan berjuta-juta ujian saringan COVID-19 RT-PCR.
18. Sebanyak tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Melaka bakal dibuka di tiga lagi hospital swasta iaitu Hospital Pantai di Ayer Keroh, Mahkota Medical Centre dan Southern Eye Clinic Specialist Centre. Untuk ketiga-tiga hospital swasta ini sebanyak 350 dos akan dibekalkan setiap hari bagi memberikan suntikan kepada orang awam yang bakal menerima notifikasi menerusi aplikasi MySejahtera.
19. Ketika ini, 1,400 PPV sedang beroperasi di seluruh negara. 1,500 klinik swasta dan 120 hospital swasta juga akan terlibat sebagai PPV.
20. Khairy berkata, pada masa ini, kadar vaksinasi harian negara melepas dari kadar purata per kapita vaksinasi dunia, malah vaksinasi harian juga kebelakangan ini mencatat sejumlah 250,000 dos suntikan sehari secara konsisten dan disasarkan 300,000 dos suntikan sehari, mulai Julai ini.
21. Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperluaskan penyumberluaran (outsourcing) pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta bagi membolehkan Hospital Kuala Lumpur (HKL) menerima dan merawat lebih ramai pesakit COVID-19. Rawatan ini akan dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan sesuai dengan Ordinan Darurat.
22. Pengusaha kantin terbeban kerana permohonan rayuan lanjutan moratorium sewa kantin masih belum mendapat respon daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPS).
23. Hotel Istana terpaksa mengangkat bendera putih sekali gus menyertai 120 buah hotel yang sudah check out sama ada menutup operasi secara penuh atau sementara sejak Mac 2020.
24. Secara keseluruhan sektor perhotelan negara sudah mengalami kerugian lebih RM11.3 bilion menurut Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia, Yap Lip Seng.
25. Seorang pekerja di sebuah chalet terpaksa mengibarkan bendera putih untuk meminta bantuan setelah kehabisan bekalan makanan.
26. Kedai Gunting Rambut dibenarkan beroperasi pada 5 Julai 2021 di lima buah negeri yang telah beralih ke Fasa Kedua PPN iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang Perak dan Perlis.

27. Pelanggan yang sudah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19 akan diutamakan untuk menerima perkhidmatan gunting rambut di Kelantan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Strategi Pelan Pemulihan Negara (Pemulih) akan membantu memulihkan ekonomi daripada keadaan krisis akibat pandemik COVID-19 seperti skim pembiayaan BizDana-i Start-U, inisiatif eBelia, kredit e-tunai dan pelbagai inisiatif yang lain lagi.
2. Pemberian moratorium kepada PKS yang terjejas sepanjang tempoh PKP 3.0 dapat memberikan kesan sederhana kepada prestasi sektor Perdagangan Borong dan Runcit.
3. Penamatan kontrak Pos Rider akan memberi kesan terhadap jumlah pekerja bagi Pos Malaysia Bhd dan pengurangan pekerja dalam MSIC 53100 bermula suku tahun ketiga 2021.
4. Pengusaha-pengusaha bas mengalami kerugian besar kerana tidak dapat beroperasi sejak pelaksanaan tempoh PKP 1.0 dan bertambah buruk sejak Mac 2021. Ini memberi pengurangan hasil yang besar terhadap perkhidmatan bas ekspres (49221), dan perkhidmatan pengangkutan darat lain (49229) bawah pengangkutan Darat bagi tempoh ST2 dan ST3 2021.
5. Pelantikan BP Clinical Lab untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan saringan di KLIA oleh Malaysia Airports ketika negara bersiap untuk membuka kembali sempadannya akan menyumbang peningkatan hasil kepada makmal swasta ini.
6. Tindakan Kementerian Kesihatan (KKM) memperluaskan penyumberluaran (outsourcing) pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta dijangka turut menyumbang kepada peningkatan hasil industri kesihatan pada suku tahun akan datang. Selain itu hasil juga disumbangkan oleh peningkatan kadar pemberian vaksin.
7. Pengusaha kantin yang terbeban akibat penutupan kantin dan tiada pendapatan juga terbeban dengan perbelanjaan seperti sewa kantin.
8. Kadar penghunian yang rendah serta penutupan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.
9. Penutupan hotel turut menjelaskan bilangan pekerja industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.

10. Kebenaran kedai gunting rambut untuk beroperasi di negeri yang telah beralih ke Fasa 2 PPN memberi keleaan kepada industri ini yang telah lebih sebulan tidak dibenarkan beroperasi. Perkara ini dijangka akan memberi kesan positif kepada pendapatan industri ini pada suku ketiga 2021 nanti.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 2 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Harga jualan sarung tangan dijangka turun</p> <p>Purata harga jualan (ASP) sarung tangan nitril dijangka mencapai purata AS\$65 dan AS\$75 bagi setiap 1,000 keping pada separuh kedua 2021.</p> <p>Kekurang bekalan sarung tangan pakai buang masih berlaku dan keadaan itu dijangka berakhir sehingga 2023 sebelum bekalan dapat memenuhi permintaan.</p> <p>HLIB mengelakkan saranan 'overweight' ke atas sektor sarung tangan getah dan menyemak turun harga sasarannya untuk Top Glove (RM6.76 hingga RM6.72) dan Kossan (RM5.60 hingga RM5.54)</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/834665/harga-jualan-sarung-tangan-dijangka-turun
2.	New Straits Times 4 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Let E&E factories operate, Malaysia's semiconductor firms appeal</p> <p>Malaysia was a key global player with seven percent of the total semiconductor trade flows through the country.</p> <p>Malaysia was a major part of the global electronics supply chain with E&E exports at 39 percent (RM386 billion of Malaysia's total export) contributing 6.8 percent of national gross domestic product</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/07/704995/let-ee-factories-operate-malaysias-semiconductor-firms-appeal

		and employing 575,000 headcounts in 2020.	
3.	Bernama 5 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Palm oil stocks estimated to be 3 pct higher in June 2021 but level remains tght – CGS-CIMB</p> <p>Malaysia's palm oil inventory is estimated to grow by 3 percent month-on-month (m-o-m) to 1.61 million tonnes at end of June 2021 as lower local usage was offset by higher exports.</p> <p>Malaysia produced 1.6 million tonnes of crude palm oil (CPO) in June up 2 percent m-o-m stronger than the 10-year historical trend of 0.3 percent m-o-m contraction in output.</p> <p>Average CPO price fell by 16 percent m-o-m but grew 120 percent year-on-year (y-o-y) to RM3,831 per tonne in June 2021.</p> <p>On palm oil exports, the volume likely rose by 9 percent m-o-m to 1.38 million tonnes due to stronger exports to China.</p> <p>For July 2021, CGS-CIMB projected CPO prices to remain firm at RM3,400 to RM4,000 per tonne amid low global edible oil inventories, which would take time to rebuild and a worker shortage in Malaysia.</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1979055

Penemuan penting & isu:

1. Purata harga jualan (ASP) sarung tangan nitril dijangka mencapai purata AS\$65 da AS\$75 bagi setiap 1,000 keping pada separuh kedua 2021. Walaupun ASP merosot, kekurangn bekalan sarung tangan pakai buang masih berlaku dan keadaan itu dijangka berakhir sehingga 2023 sebelum bekalan dapat memenuhi permintaan. HLIB mengekalkan saranan 'overweight' ke atas sektor sarung tangan getah dan menyemak turun

harga sasarannya untuk Top Glove (RM6.76 hingga RM6.72) dan Kossan (RM5.60 hingga RM5.54).

2. Malaysia merupakan pemain utama global dengan 7 peratus daripada jumlah perdagangan semikonduktor dunia. Malaysia merupakan sebahagian besar daripada rantai bekalan elektronik global dengan exports E&E pada 39 peratus (RM386 billion daripada jumlah eksport Malaysia), menyumbang 6.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar negara dan menggunakan 575,000 pekerja pada tahun 2020.
3. Inventori minyak sawit Malaysia dianggarkan berkembang sebanyak 3 peratus bulan ke bulan kepada 1.61 juta tan pada akhir Jun 2021 kerana penggunaan tempatan yang lebih rendah diimbangi oleh eksport yang lebih tinggi. Malaysia menghasilkan 1.6 juta tan minyak sawit mentah (CPO) pada bulan Jun, meningkat 2 peratus lebih kukuh berbanding 10 tahun ke belakang, yang mengalami penguncutan sebanyak 0.3 peratus. Purata harga CPO jatuh sebanyak 16 peratus tetapi meningkat 120 peratus tahun ke tahun kepada RM3,831 setan pada bulan Jun 2021. Manakala, eksport minyak sawit meningkat sebanyak 9 peratus bulan ke bulan kepada 1.38 juta tan berikutan eksport yang kukuh ke China.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport sarung tangan getah bagi Mei 2021 mencatatkan penurunan sebanyak RM321 juta atau 11 peratus bulan ke bulan. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport sarung tangan getah dengan nilai eksport bagi Mei adalah RM 878.85 juta diikuti Jepun (RM186 juta) dan Jerman (RM182.11 juta).
2. Eksport barangan perkilangan pada Mei 2021, mencakupi 85.4 peratus daripada jumlah eksport, berkembang 45.4 peratus atau RM24.6 bilion tahun ke tahun kepada RM78.8 bilion. Penyumbang utama pertumbuhan adalah barangan elektrik dan elektronik dengan nilai bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021 adalah RM176,553 juta atau 34.2 peratus dari nilai keseluruhan. Tiga destinasi eksport utama Malaysia bagi barangan elektik dan elektronik dari Januari sehingga Mei 2021 adalah Singapore (RM34,829 juta atau 19.73 peratus), diikuti oleh Hong Kong (RM24,949 juta atau 14.13 peratus) dan Amerika Syarikat (RM23,082 juta atau 13.07 peratus).
3. Nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah RM5,785 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM2,180 juta atau 60 peratus tahun ke tahun. Eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit merupakan penyumbang

<p>utama bagi kategori pertanian iaitu sebanyak 77 peratus. Destinasi eksport tertinggi adalah ke India dengan sumbangan 30.5 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit. Diikuti oleh China sebanyak 11.4 peratus, Belanda 9.3 peratus, Filipina 5 peratus dan Turki 4.3 peratus.</p>			
D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 2 Julai 2021 <i>(essential)</i>	<p>Total lockdown: Hanya 17 peratus permohonan beroperasi sektor pembinaan diluluskan – CIDB</p> <p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hanya meluluskan 17 peratus, iaitu 18,661 daripada 105,368 permohonan kebenaran beroperasi projek pembinaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bermula pada 1 Jun hingga 30 Jun 2021.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/total-lockdown-hanya-17-peratus-permohonan-beroperasi-sektor-pembinaan-diluluskan-cidb-306349
2.	The Edge Markets 3 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Construction work in EMCO areas in Selangor, KL must cease — works minister</p> <p>All construction and related work on projects in areas subject to the enhanced movement control order (EMCO) in Selangor and Kuala Lumpur that takes effect today must stop, said Senior Minister of Works Datuk Seri Fadillah Yusof.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/all-construction-and-related-works-emco-areas-selangor-kl-must-cease-%E2%80%94-works-minister
3.	The Edge 4 Julai 2021 <i>(essential)</i>	<p>Glove makers urge govt to allow their Selangor factories to operate under EMCO to mitigate global glove disruption</p> <p>MARGMA president, Dr Supramaniam Shanmugam said the association is seeking an urgent meeting with the Ministry of International Trade and Industry on the issue, as 58% of all gloves</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/glove-makers-urge-govt-allow-their-selangor-factories-operate-under-emco-mitigate-global

	produced in Malaysia are sourced from glove manufacturers in Selangor.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah keseluruhan permohonan beroperasi yang diterima adalah 108,426 dimana 82,665 merupakan permohonan baharu dan 25,761 adalah permohonan rayuan daripada tempoh 1 hingga 30 Jun 2021. Sebanyak 97 peratus atau 105,368 daripada semua permohonan, iaitu 80,383 permohonan baharu dan 24,985 permohonan rayuan telah diproses. 68,905 atau 86 peratus daripada permohonan baharu daripada jumlah yang telah diproses tidak diluluskan, dengan hanya 11,478 atau 14 peratus permohonan yang lain diluluskan. Dari 24,985 jumlah rayuan yang telah diproses pula, 17,802 atau 71 peratus daripada permohonan rayuan tidak diluluskan, sementara hanya 7,183 atau 29 peratus sahaja yang diluluskan.
2. *Senior Minister of Works inform permits issued by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) prior to the enforcing of the EMCO cannot be used to continue construction work during the EMCO period, which is scheduled to end on July 16. Minister also directed all construction firms to strictly observe the NSC's standard operating procedures covering their sector.*
3. *There was a big fear going around the global healthcare sectors when the possibility of the glove industry shutdown was announced, as medical gloves are sorely needed to protect frontliners and hospital staff. Since the government's announcement on the imposed EMCO on the state of Selangor, global customers of our manufacturers have been calling with great concern on shortage of production and delivery of gloves to them.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Punca banyak permohonan tidak diluluskan adalah projek dilaksanakan tidak termasuk di dalam senarai projek pembinaan kritikal di dalam SOP sektor pembinaan PKP 3.0 yang telah diwartakan, projek pembinaan tidak diisyiharkan kepada CIDB di CIMS CIDB serta nama projek pembinaan yang terlibat tidak dinyatakan di dalam CIMS MITI. CIDB menyatakan jika tapak pembinaan yang didapati beroperasi tanpa kebenaran yang sah akan diarahkan tutup dan tindakan tegas akan diambil. Jumlah projek yang diluluskan termasuk rayuan adalah sebanyak 18,661 sepanjang tempoh 1 – 30 Jun 2021 akan memberi kesan kepada prestasi sektor pembinaan pada suku tahun kedua dan ketiga 2021. Pada suku tahun pertama 2021, sektor pembinaan di Malaysia mencatat pertumbuhan negatif 10.5 peratus nilai kerja pembinaan berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya.

2. Pelaksanaan PKPD di lapan daerah di Selangor selain 14 daerah di Kuala Lumpur sehingga 16 Julai akan memperlakukan aktiviti-aktiviti projek pembinaan di kawasan tersebut. Namun begitu, kerja-kerja penyelenggaraan dan pemberian kritikal yang diluluskan boleh dijalankan di bawah kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dengan mendapatkan keizinan daripada balai polis terdekat. Selangor dan Kuala Lumpur menyumbang 46.2 peratus nilai kerja pembinaan di Malaysia pada suku tahun pertama 2021.
3. Pelaksanaan EMCO di Selangor akan mengakibatkan kekurangan pengeluaran dan penghantaran sarung tangan kepada pelanggan global kerana 58% daripada semua sarung tangan yang dihasilkan di Malaysia bersumber dari pengeluar sarung tangan di Selangor.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 2 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Sektor pembuatan berisiko rugi lebih besar</p> <p>Sektor pembuatan Malaysia berdepan risiko kehilangan momentum lebih besar jika peralihan ke fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Sektor ini sudah terjejas teruk disebabkan penutupan perniagaan dari sektor yang tidak penting dan pengurangan kapasiti operasi sektor penting. Kerajaan juga dicadangkan mengkaji semula tiga ambang peralihan PPN bagi peralihan fasa ke fasa yang lebih pantas serta membuka lebih banyak sektor perniagaan. Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) perlu dipercepatkan termasuk pemberian vaksinasi kepada sektor swasta dan pembuatan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/834611/sektor-pembuatan-berisiko-rugi-lebih-besar

2.	<p>The Edge Market 05 Julai 2021 <i>(Essential)</i></p>	<p>DHL Express delivers US donation of Pfizer-BioNTech vaccines to Malaysia</p> <p>Logistics provider DHL Express delivered the US government's donation of around one million doses of the Pfizer-BioNTech vaccine to Malaysia today as part of a recent commitment by the US to assist with recovery efforts worldwide. This shipment was made possible via the COVAX global vaccine sharing programme that aims to accelerate global equitable access to immunisation against the pandemic. As DHL Express continues to leverage the global network and strong medical logistics expertise to ensure that these life-saving vaccines arrive safely and promptly, the need for collaboration among various parties and countries to manage this public health crisis effectively is also important. DHL Express arranged for the collection of the vaccines from facilities in the US before they were airlifted from the company's Cincinnati hub to its Subang gateway, where it would be distributed to designated locations in Kuala Lumpur. From door-to-door, the journey spanned only four days in complete compliance with stringent handling and storage requirements. To date, DHL has transported more than 300 million doses of approved vaccines worldwide, five million of which were to Malaysia. The shipment today marks another milestone in</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/dhl-express-delivers-us-donation-pfizerbiontech-vaccines-malaysia</p>
----	--	---	--

		combating the spread of Covid-19 and contributing to the country's recovery.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Sektor pembuatan Malaysia berdepan risiko kehilangan momentum lebih besar jika peralihan ke fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Sektor ini telah terjejas teruk disebabkan penutupan perniagaan dari sektor yang tidak penting dan pengurangan kapasiti operasi sektor penting. Kerajaan juga dicadangkan mengkaji semula tiga ambang peralihan PPN bagi peralihan fasa ke fasa yang lebih pantas serta membuka lebih banyak sektor perniagaan.
2. DHL Express telah menyempurnakan penghantaran sekitar 1,000,000 dos vaksin Pfizer-BioNTech sumbangan kerajaan Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia sebagai sebahagian daripada komitmen AS baru-baru ini untuk membantu usaha pemulihan di seluruh dunia. Penghantaran itu dapat dilakukan menerusi program Akses Global Vaksin Covid-19 (COVAX) yang bertujuan mempercepatkan akses global bagi imunisasi menentang pandemik berkenaan. Setakat ini, DHL telah menghantar lebih daripada 300 juta dos vaksin yang diluluskan ke seluruh dunia dengan lima juta daripadanya adalah ke Malaysia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Risiko kehilangan momentum yang lebih besar bagi sektor pembuatan Malaysia jika peralihan ke fasa kedua PPN tidak dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat dan juga jangkaan kejatuhan ASP sarung tangan kepada US\$65 dan US\$75 bagi setiap 1000 keping pada separuh kedua 2021. Walau bagaimanapun, jangkaan kes COVID-19 yang bertambah akan meningkatkan permintaan terhadap sarung tangan getah dalam tempoh pandemik serta memberi kesan terhadap penyusunan akaun Barang dan komponen Perkhidmatan pembuatan dalam statistik Imbangan Akaun Semasa. Pada suku pertama tahun 2021, Akaun barang mencatatkan lebih RM36.6 bilion berbanding RM42.6 bilion pada suku sebelumnya. Manakala Perkhidmatan pembuatan pula mencatatkan lebihan sebanyak RM3.4 bilion berbanding RM3.3 bilion pada suku sebelumnya.
2. Penghantaran sekitar 1,000,000 dos vaksin Pfizer-BioNTech sumbangan kerajaan Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia telah disempurnakan oleh DHL Express sebagai sebahagian daripada komitmen AS baru-baru ini untuk membantu usaha pemulihan di seluruh dunia. Perkara ini akan memberi kesan kepada penyusunan statistik akaun Pendapatan Sekunder dalam statistik Imbangan Pembayaran. Pada suku pertama tahun 2021, Akaun Pendapatan Sekunder mencatatkan defisit lebih tinggi RM3.6 bilion berbanding RM2.7 bilion pada suku sebelumnya.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 2 Julai 2021 (non essential)	<p>Kempen 'Shop Malaysia Online', 'Go-eCommerce' bermula</p> <p>Kempen 'Shop Malaysia Online' dan 'Go-eCommerce' bagi memacu pemulihan ekonomi negara pasca COVID-19 menerusi usaha mendorong perniagaan beralih ke arah digital serta menggalakkan rakyat berbelanja secara dalam talian bermula sejak 1 Julai lalu.</p> <p>Kempen bermula serentak sehingga 31 Disember itu adalah antara inisiatif di bawah pemulihan negara yang menyaksikan kerjasama Kementerian Kewangan (MOF) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dengan sektor swasta.</p> <p>Lazada mendapati pengguna memainkan peranan aktif merangsang pemulihan ekonomi menerusi pembelian dalam talian dengan jualan hampir RM130 juta ketika kempen sama tahun lalu.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/834673/kempen-shop-malaysia-online-go-e-commerce-bermula
2.	Berita Harian 2 Julai 2021 (Essential)	<p>PKPD di Selangor, KL jejas ekonomi negara</p> <p>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) beberapa mukim dan lokaliti di Selangor serta Kuala Lumpur bakal memberikan impak besar kepada unjuran</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/834697/pkpd-di-selangor-kl-jejas-ekonomi-negara

	<p>pertumbuhan ekonomi negara tahun ini.</p> <p>Ini berdasarkan sumbangan kedua-dua negeri itu kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dengan Selangor adalah penyumbang terbesar sejak beberapa tahun lalu. Nisbah sumbangan KDNK Selangor dan Kuala Lumpur kepada ekonomi Malaysia pada 2020 masing-masing adalah sebanyak 24.3 peratus dan 16.1 peratus.</p> <p>Pada tahun lalu, ketika pelaksanaan pelbagai fasa PKP dan penularan pandemik COVID-19, ekonomi Selangor dan Kuala Lumpur menguncup masing-masing pada kadar 5.3 peratus dan 7.5 peratus.</p> <p>Pelan pemulihan diumumkan kerajaan, dengan yang terbaru melalui Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihian Ekonomi (PEMULIH) serta Pelan Pemulih Negara (PPN) dapat membantu pemulihan kerana ia menambah tunai di dalam sistem ekonomi negara.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Kempen 'Shop Malaysia Online' dan 'Go-eCommerce' bermula dari 1 Julai dan akan berakhir 31 Disember akan memacu pemulihan ekonomi negara pasca COVID-19. Usaha tersebut mendorong perniagaan beralih ke arah digital serta menggalakkan rakyat berbelanja secara dalam talian. Lazada melalui kempen 'Shop Malaysia Online' berperanan mempromosi perniagaan dan produk tempatan manakala kempen 'Go-eCommerce' membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan terbabit dalam e-dagang. Selain itu, pengguna memainkan peranan aktif

merangsang pemulihan ekonomi menerusi pembelian dalam talian dengan jualan hampir RM130 juta ketika kempen sama tahun lalu.

2. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa mukim dan lokaliti di Selangor serta Kuala Lumpur bakal memberikan impak besar kepada unjuran pertumbuhan ekonomi negara tahun ini. Selangor dan Kuala Lumpur merupakan antara penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia dengan masing-masing sebanyak 24.3 peratus dan 16.1 peratus pada tahun 2020. Di samping itu, ekonomi Selangor dan Kuala Lumpur menguncup masing-masing pada kadar 5.3 peratus dan 7.5 peratus ekoran pelaksanaan pelbagai fasa PKP dan penularan pandemik Covid-19 pada tahun lalu. Justeru, Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) serta Pelan Pemulihan Negara (PPN) dapat membantu pemulihan kerana ia menambah tunai di dalam sistem ekonomi negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Menurut Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) kesan daripada Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dengan SOP yang ketat akan menjelaskan sektor pembuatan dan sektor rantaiannya. Seterusnya dijangka akan memberi impak terhadap ekonomi negara. Justeru, jika pelaksanaan PKPD berpanjangan akan mengganggu kelancaran perancangan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pada suku pertama tahun 2021, KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus (RM 343.1 bilion) berbanding penurunan 3.4 peratus (RM 357.9 bilion) pada suku tahun sebelumnya.
2. Selangor dan Kuala Lumpur merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negara dengan masing-masing mencatatkan sumbangan 24.3 peratus dan 16.1 peratus pada tahun 2020. Berikutan daripada pelaksanaan PKPD di beberapa mukim dan lokaliti tersebut, dijangka mempengaruhi unjuran pertumbuhan ekonomi negeri tersebut tahun ini. Pergerakan yang terbatas secara tidak langsung akan menjelaskan perniagaan. Sehubungan itu, pengumuman Kerajaan terhadap pemberian insentif tunai melalui Pakej Perlindungan Rakyat & Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dijangka dapat menggerakkan ekonomi bagi memastikan kelangsungan perniagaan.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita harian 2 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	<p>OPEC setuju pengeluaran minyak global secara sederhana</p> <p>Negara pengeluar minyak utama dunia semalam, gagal mencapai persetujuan bersama untuk meningkatkan pengeluaran komoditi itu pada Ogos ini, bagi memenuhi permintaan semakin meningkat dan had kenaikan harga baru-baru ini.</p> <p>Kumpulan yang dipanggil OPEC+ bertindak mengurangkan pengeluaran minyak mentah selepas penularan pandemik COVID-19 mengakibatkan harga minyak jatuh tahun lalu.</p>	https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2021/07/834529/opec-setuju-pengeluaran-minyak-global-sederhana
2.	The Sun Daily 2 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	<p>517,769 people received aid from JKM worth RM1.1 billion this year until May – Rina</p> <p>The Social Welfare Department (JKM) are handing out assistance worth RM1.1 billion this year to those who are really in need. The rate of people who are in need are increasing and in a worrying state. This time around, Child Financial Assistance are given out to four nominees that will be receiving assistance every month for one year starting this month based on a few criteria.</p>	https://www.thesunday.my/local/517769-people-received-aid-from-jkm-worth-rm11-billion-this-year-until-may-rina-DC8026500
3.	Metro Online 3 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Gerakan 'Musaadah 3.0' untuk bantu rakyat susah</p> <p>Menerusi gerakan Musaadah 3.0, bantuan di bawah Menteri di</p>	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/07/725972/gerakan-musaadah-30-

		Jabatan Perdana Menteri (Agama) disalurkan di seluruh negara melalui pelbagai agensi khususnya di bawah kementerian untuk membantu meringankan beban mereka yang terkesan dengan situasi masa kini. Kerajaan telah membelanjakan lebih RM700 juta melalui pelbagai agensi untuk membantu meringankan beban rakyat pada ketika ini. Program Musaadah 3.0 berkolaborasi dengan beberapa agensi khususnya Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam dan lain-lain agensi bagi menyalurkan bantuan ini.	<u>untuk-bantu-rakyat-susah</u>
4.	The Sun Daily 3 Julai 2021 (Essential)	12MP: Govt to formulate strategy to tackle poverty among Orang Asli — Mustapa Poverty rate in Malaysia is increasing especially in the Orang Asli community. The government are looking for a strategic method in lifting the Orang Asli Community from poverty by improving their standard of living and increase income sources by putting out more projects for the community. More of the Orang Asli community are falling below the poverty line and still in need of necessity welfare assistance.	https://www.thesunday.my/local/12mp-govt-to-formulate-strategy-to-tackle-poverty-among-orang-asli-mustapa-EI8028116
5.	The Malay Mail 3 Julai 2021 (Essential)	FAMA distributes food assistance to Labuan folks under Agriculture Ministry's Prihatin initiative The State Government are distributing 500 sets off food basket to the villagers under MAFI Prihatin programme that will help	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/03/fama-distributes-food-assistance-to-labuan-folks-under-agriculture-ministry/1986935

		<p>ease the people's burden while facing the continuity of the pandemic. The food aid are mostly agricultural produce such as vegetables and fruits. Farmers and entrepreneurs has benefited from this initiatives in as a platform in marketing their products to local people.</p>	
6.	Sinar Harian 3 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Dunia alami kenaikan tinggi harga makanan</p> <p>Harga makanan global kini semakin meningkat dengan kadar cepat dalam tempoh satu dekad dan diburukkan lagi dengan masalah negara-negara di dunia yang masih berusaha untuk menangani penularan pandemik COVID-19.</p> <p>Berikut itu, sebuah agensi badan dunia iaitu Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) kini bimbang bahawa kenaikan harga makanan tersebut mungkin mencetuskan kekacauan di beberapa buah negara yang mengalami masalah politik.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/147796/GLOBAL/Dunia-alami-kenaikan-tinggi-harga-makanan
7.	Berita Harian 4 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Larangan rentas daerah punca harga durian meningkat</p> <p>Larangan rentas daerah dan negeri, antara alasan penjual mengenai kenaikan harga durian ketika ini.</p> <p>Tinjauan BH di beberapa lokasi yang menjual durian di sini, mendapati harga durian jenis kampung dan kahwin dijual antara RM10 hingga RM18 sekilogram.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/835489/larangan-rentas-daerah-punca-harga-durian-meningkat

		Berbeza pula dengan durian yang dikategorikan sebagai premium seperti jenis Musang King, Black Thorn (Duri Hitam), Udang Merah atau D24, harganya mencecah RM80 sekilogram.	
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. 13 anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan 10 negara sekutunya dijangka membuat keputusan untuk meningkatkan pengeluaran secara sederhana. 2. Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) mengutamakan bantuan kepada rakyat yang hidup miskin dan tersekut sumber makanan kerana tidak mempunyai sumber pendapatan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. 3. Menurut FAO, harga makanan telah meningkat hampir 40 peratus pada bulan Mei lalu berbanding setahun lalu iaitu peningkatan paling tinggi sejak September 2011. Pada tahun 2007 hingga 2008, peningkatan harga makanan asas telah mencetuskan rusuhan di sejumlah negara di sekitar dunia. 4. Gerakan Musaadah 3.0 bukanlah hanya di Negeri Sembilan, malah akan disalurkan kepada seluruh Malaysia melalui kolaborasi bersama agensi-agensi seperti Majlis Agama Islam dan Pusat Pungutan Zakat. 5. Kerajaan akan membentangkan strategi dan penyelesaian bagi mengurangkan kadar kemiskinan bagi penduduk Orang Asli yang terjejas akibat pandemik COVID-19. 6. Kerajaan negeri mencadangkan orang ramai memohon bantuan bakul makanan bagi mereka yang memerlukan dan meminta orang ramai turut membantu mereka jika mempunyai kesukaran untuk memohon bantuan. 7. Larangan rentas daerah dan negeri, antara alasan penjual mengenai kenaikan harga durian ketika ini. Walaupun bekalan raja buah itu banyak penjual memberikan alasan kenaikan harga durian pada kali ini sukar dibawa masuk kerana tidak boleh rentas daerah dan negeri. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Persetujuan negara pengeluar minyak untuk terus meningkatkan pengeluaran minyak secara sederhana sebanyak 400,000 tong sehari pada 			

setiap bulan bermula Ogos hingga hujung tahun 2021 akan memberi kesan kepada pengekalan harga minyak. Hal ini akan meredakan inflasi bagi subkumpulan Bahan api & pelincir.

2. Kenaikan harga jagung dan harga minyak dijangka akan memberi kesan langsung kepada harga import barang; dan turut memberi kesan kepada harga runcit ayam yang mana dedak (jagung) merupakan makanan ruminan ternakan ini. Hal ini akan memberi tekanan Inflasi kumpulan Makanan & Minuman bukan alkohol.
3. Kenaikan harga durian berikutan larangan rentas negeri dan isu kenaikan kos pengangkutan secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada Inflasi subkumpulan buah-buahan.
4. Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES yang akan datang.
5. Pengiraan simulasi pendapatan dan kemiskinan 2020 peringkat negeri ditambahbaik dengan merujuk kepada statistik terkini KDNK Negeri 2020 dan statistik gaji upah 2020. Laporan dijangka akan diterbitkan pada minggu keempat Julai 2021.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 5 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>6,387 kes positif baharu, enam negeri catat peningkatan</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 6,387 kes positif baharu Covid-19 pada Isnin menjadikan jumlah keseluruhan kes negara ini 785,039 kes.</p> <p>Melalui maklumat dikongsikan melalui Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia, sebanyak enam negeri mencatatkan peningkatan kes iaitu Selangor,</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/148200/KHAS/Covid-19/6387-kes-positif-baharu-enam-negeri-catat-peningkatan

		<p>Putrajaya, Kuala Lumpur, Pahang, Sabah dan Sarawak.</p> <p>Selangor kekal mencatatkan kes tertinggi dengan 2,610 kes.</p>	
2.	Berita Harian 5 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Op Ketuk kesan penduduk enggan disaring COVID-19</p> <p>Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan Operasi Ketuk (Op Ketuk) bagi mengesan penghuni di 98 unit kediaman Mentari Court, Sunway Mentari, di sini, yang enggan bekerjasama dalam ujian saringan COVID-19 sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan itu.</p> <p>Setakat ini, baki penghuni di 3,371 unit kediaman dari tujuh blok di kawasan berkenaan sudah memberikan kerjasama untuk proses saringan dan dijangka menerima vaksin dalam masa terdekat bermula hari ini.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/835772/op-ketuk-kesan-penduduk-enggan-disaring-covid-19

Penemuan penting & isu:

1. Enam negeri mencatatkan peningkatan kes iaitu Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur, Pahang, Sabah dan Sarawak. Selangor masih menunjukkan negeri tertinggi dengan jumlah kes positif COVID-19 sebanyak 2,610 kes diikuti Kuala Lumpur dengan 819 kes baharu hari ini. Sabah pula 263 kes baharu dan Sarawak 424 kes dicatatkan. Perlis masih mengekalkan sifar kes penularan COVID-19.
2. Petugas kesihatan di kawasan berkenaan dengan dibantu pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melawat dari rumah ke rumah bagi memastikan semua penghuni menjalani ujian saringan sebagai langkah membendung penularan

jangkitan di kawasan perumahan itu. PKPD di Mentari Court dilaksanakan bermula 1 Julai hingga 14 Julai ini selepas kawasan berkenaan mencatatkan jumlah positif yang membimbangkan dan kawasan ini juga dijadikan perintis bagi lokasi pertama PKPD di Selangor yang menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) terhadap semua penduduk didapati negatif dalam ujian saringan. Berdasarkan pemakluman Menteri Besar Selangor, penduduk dewasa yang disahkan negatif dalam ujian saringan COVID-19 akan menerima suntikan vaksin jenis Pfizer bermula hari ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
- Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan dalam Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

3. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama.

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 2 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	57.61 peratus guru Tingkatan 5 dan 6 di Terengganu divaksin Seramai 2,056 atau 57.61 peratus guru Tingkatan Enam dan Lima di negeri ini sudah menerima vaksin COVID-19. Penerima	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834511/5761-peratus-guru-tingkatan-5-6-di-terengganu-divaksin

		<p>membabitkan 1,589 guru Tingkatan Lima dan baki guru Tingkatan Enam.</p> <p>Langkah tersebut adalah sebagai persediaan awal pembukaan sekolah yang akan diumumkan nanti.</p> <p>Jumlah keseluruhan guru Tingkatan Lima di negeri ini adalah seramai 2,882, manakala 687 adalah guru Tingkatan Enam.</p>	
2.	Harian Metro 3 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Golongan terjejas segera dibantu</p> <p>Pengumuman kerajaan menerusi pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) disambut baik semua agensi kerajaan yang kini menggerakkan Bantuan Bakul Makanan bagi membantu golongan sasaran yang memerlukan.</p> <p>Komitmen berkenaan ditunjukkan beberapa kementerian menerusi agensinya yang kini giat menghulurkan sumbangan berkenaan antaranya Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang komited memastikan PEMULIH memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli menerusi Bantuan Khas Covid- 19 (BKC).</p> <p>Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyasar membantu 10,000 keluarga B40 yang terjejas pendapatan akibat</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/726198/golongan-terjejas-segera-dibantu

		pandemik Covid-19 bagi meneruskan kelangsungan hidup menerusi program Bakul Prihatin.	
3.	Berita Harian 4 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Fasa Dua PPN diharap atasi isu keciciran murid</p> <p>Kebenaran rentas daerah dan negeri bagi guru serta murid sekolah yang mengikuti kelas peperiksaan di negeri dalam fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) diharap mampu menyelesaikan isu keciciran dalam kalangan murid terutama di luar bandar.</p> <p>Pembukaan semula sekolah untuk kelas peperiksaan di Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang akan membolehkan murid mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih baik secara bersemuka.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/83484/fasa-dua-ppn-diharap-atasi-isu-keciciran-murid

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 2,056 atau 57.61 peratus guru Tingkatan Lima dan Enam di Terengganu ini sudah menerima vaksin COVID-19.
2. Pengumuman kerajaan menerusi PEMULIH disambut baik semua agensi kerajaan yang kini menggerakkan Bantuan Bakul Makanan bagi membantu golongan sasaran yang memerlukan.
3. Kebenaran rentas daerah dan negeri bagi guru serta murid sekolah yang mengikuti kelas peperiksaan di negeri dalam fasa kedua PPN diharap mampu menyelesaikan isu keciciran dalam kalangan murid terutama di luar bandar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan sekolah akan diumum secara berperingkat sekiranya keadaan pandemik ini bertambah baik dan diberi keutamaan kepada kumpulan pelajar yang mengikuti kelas peperiksaan. Untuk memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka dijalankan dalam keadaan selamat,

guru yang terlibat haruslah divaksin terlebih dahulu. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan guru sekolah kerajaan dan sekolah menengah kerajaan di Terengganu pada tahun 2019 adalah masing-masing seramai 12,045 orang dan 10,296 orang.

2. Pemberian Bantuan Bakul Makanan dapat meringankan beban rakyat yang terjejas terutamanya golongan B40. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, Perak merupakan negeri yang mempunyai isi rumah B40 yang tertinggi iaitu sebanyak 12.7 peratus.
3. Sesi persekolahan secara bersemuka akan menyelesaikan masalah murid tidak mempunyai capaian internet untuk mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan seterusnya memastikan tiada murid yang tercincir semasa pandemik ini. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan *ICT Use and Access by Households and Individuals Survey 2019*, peratusan capaian isi rumah terhadap perkhidmatan internet di negeri Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

Negeri	Peratus (%)
Perlis	88.2
Perak	81.0
Kelantan	82.1
Terengganu	92.1
Pahang	80.7

J. Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Dayak Daily 2 Julai 2021 (Essential)	Dalat/Oya Farmers' Body rescues 11,000 kgs of unsold pineapples, distributes them to local communities The Dalat/Oya Farmers' Association has today rescued over 11,000 kilogrammes of surplus pineapples harvested from 55 farmers, and then diverted them to villagers and local communities in need in an effort to prevent food from going to	https://dayakdaily.com/dalat-oya-farmers-body-rescues-11000-kgs-of-unsold-pineapples-distributes-them-to-local-communities/

		waste during these tough pandemic times.	
2.	Sinar Harian 3 Julai 2021 (Essential)	Aktiviti penanaman padi di kawasan PKPD dibenarkan Aktiviti penanaman padi di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dibenarkan bagi mengelak masalah kekurangan bekalan beras dalam negara.	https://www.sinarharian.com.my/article/147906/BERITA/Nasional/Aktiviti-penanaman-padi-di-kawasan-PKPD-dibenarkan-Ismail-Sabri
3.	Utusan 4 Julai 2021 (Essential)	PKPD Lembah Klang: Harga durian ‘luruh’ Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur menyebabkan jualan durian di daerah ini turut terkesan malah harganya juga jatuh serta ramai pelanggan dan peraih mula membatalkan tempahan dibuat sebelum ini.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/pkpd-lembah-klang-harga-durian-luruh/
4.	Free Malaysia Today 5 Julai 2021 (Essential)	Vegetables go to waste as farmers wilt under EMCO Vegetable farmers at a village of Cameron Highlands are seeing their precious crops going to waste because of their inability to harvest them during the enhanced movement control order (EMCO) period. The village was placed under a two-week total lockdown after health officers detected 70 COVID-19 cases.	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/07/05/vegetables-go-to-waste-as-farmers-wilt-under-emco/

Penemuan penting & isu:

1. *The Dalat/Oya Farmers' Association has rescued over 11,000 kilograms of surplus pineapples harvested from 55 farmers and then diverted them to villagers and local communities in need in an effort to prevent food from going to waste during these tough pandemic times. The state government through the local*

association has stepped in to assist farmers as there is excess and unsold farm produce due to the Movement Control Order (MCO). Before, on June 28, the Association delivered 1,460.7 kgs pineapple to Fatimah's Dalat constituency service centre and volunteers at the service centre then assisted to redistribute the fruits to mosque, suraus, churches, chapels and temples around Dalat and Oya.

2. Aktiviti penanaman padi di Kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seperti Ijok di Kuala Selangor dibenarkan beroperasi bagi mengelakkan masalah kekurangan bekalan beras dalam negara. Petani yang mengusahakan sawah padi perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan untuk mengelakkan jangkitan COVID-19.
3. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur telah mengakibatkan jualan durian di daerah ini turut terkesan malah harganya juga turut jatuh. Ramai pelanggan dan peraih mula membatalkan tempahan yang dibuat sebelum ini. Keadaan ini menyebabkan peniaga terpaksa menjual durian dengan harga rendah kepada penduduk sekitar dan peraih-peraih dari daerah lain bagi mengelakkan buah rosak dan terbiar.
4. *Vegetable farmers at a village of Cameron Highlands here are seeing their precious crops going to waste because of their inability to harvest them during the enhanced movement control order (EMCO) period. The village was placed under two-week total lockdown after health officers detected 70 COVID-19 cases. Since under EMCO, farmers cannot go out to harvest the vegetables and there is no other way but to destroy the vegetables. Committee member of the Tringkap farmers' hope government must move positive COVID-19 cases to another quarantine centre instead of letting them observe self-quarantine at farms' hostels. He added farmers might not survive an extended EMCO as they have not worked since June 28.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Usaha Persatuan Peladang Kawasan Dalat/Oya untuk mengambil hasil tuaian nanas dijangka mengurangkan masalah lambakan bekalan yang tidak terjual. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi buah nanas diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Pada 2019 Kadar Sara Diri (SSR) nanas adalah 105.5 peratus dan penggunaan per kapita (PCC) adalah 6.7kg/tahun.
2. Kebenaran petani untuk meneruskan aktiviti penanaman padi di Kuala Selangor amatlah baik dan tidak menjelaskan pengeluaran padi di Selangor. Pada 2019, pengeluaran padi di Selangor adalah 174,088 tan metrik (7.4%) dari keseluruhan

pengeluaran padi negara. Merujuk kepada penerbitan MAFI, SSR item Beras di Malaysia pada 2019 adalah 63.0 peratus manakala PCC beras 73.9 kg/tahun.

3. Durian merupakan antara item buah-buahan yang diliputi dalam penyusunan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih serta Indikator Pertanian Terpilih. Pada 2019, pengeluaran durian adalah 377,251.0 tan metrik dengan kadar sara diri 105.2 peratus. Kerugian durian pula adalah 10,758.6 tan metrik pada 2019. Merujuk kepada penerbitan Indikator Pertanian terpilih 2020, purata harga durian kampung pula bagi tempoh Jan-Jun 2020 adalah RM12.10 manakala durian D24 adalah RM21.65.
4. Pengeluaran sayur-sayuran terpilih turut diliputi dalam penerbitan SUA dan Indikator Pertanian Terpilih. Berdasarkan Perangkaan Agromakanan 2019, jumlah pengeluaran sayur-sayuran merekodkan 1,020,714 tan metrik dimana Pahang mencatatkan pengeluaran tertinggi iaitu 335,935 tan metrik. Kerugian disebabkan tanaman yang rosak dijangka akan meningkat pada 2021 akibat kesan daripada pelaksanaan PKP.

K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 3 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Retail and shopping mall associations plead with govt to reopen retail sector by July 15</p> <p>Retail and shopping mall associations today sent an "urgent and desperate plea" to the Malaysian government to reopen the retail sector by July 15, or when 10% of the population is fully vaccinated.</p> <p>COVID-19 will remain part of our lives moving forward and the economy cannot afford to remain closed continually. It is foreseen that almost 500,000 employees engaged in the shopping mall and retail</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/retail-and-shopping-mall-associations-plead-govt-reopen-retail-sector-july-15

		industry will eventually be laid off. Such massive lay-offs come with business failures and shop closures — including mega shopping malls and retail brands — from which the industry may never recover.	
2.	The Edge Market 3 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>MAIA urges govt to allow aerospace industry, supply chain to operate during EMCO</p> <p>The Malaysian Aerospace Industry Association (MAIA) has urged the government to reconsider and allow the industry and its supply chain to continue operations for the country to secure its place in the global aerospace arena.</p> <p>Shutting down will only encourage other countries, not similarly affected, to secure the business. Once lost, it would be extremely difficult to regain, resulting in a detrimental impact on Malaysia's highly skilled workforce.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/maia-urges-govt-allow-aerospace-industry-supply-chain-operate-during-emco
3.	The Edge Market 2 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>EMCO: Only essential service workers allowed in office, says Saravanan</p> <p>Only workers in essential services are allowed to leave their homes in enhanced movement control order</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/emco-only-essential-service-workers-allowed-office-says-saravanan

		<p>(EMCO) areas to go to work when the EMCO is in force.</p> <p>most parts of Selangor and certain localities in the Federal Territory of Kuala Lumpur will be placed under the EMCO from July 3 to July 16 because of their high numbers of Covid-19 cases.</p>	
4.	The Edge Market 2 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>BNM announces enhancements to Covid-19 facilities for SMEs</p> <p>Bank Negara Malaysia has allocated another RM2 billion for the Targeted Relief and Recovery Facility (TRRF) to provide relief for those in the services sector, bringing the total allocation for the facility to RM6 billion, as part of a list of enhancements to the Central Bank's initiatives for SMEs.</p> <p>The allocation for the All Economic Sector (AES) Facility, which aims to enhance access to financing for SMEs, increased by RM2 billion to RM6.5 billion. TRRF and PENJANA Tourism Financing (PTF) facilities now also allows SMEs to utilise part of their financing proceeds to repay existing business loans.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/bnm-announces-additional-allocation-enhanced-refinancing-smes

5.	<p>The Edge Market 2 Julai 2021 (Non-essential)</p>	<p>Govt approved RM1.283 bil for Wage Subsidy Programme 2.0 as of June 18, says Tengku Zafrul</p> <p>The government has approved wage subsidy applications worth RM1.283 billion under the Wage Subsidy Programme (PSU) 2.0 as of June 18. It had been channelled to 75,262 employers to continue to operate and maintain employment for 659,066 workers. For the Recruitment Incentive and Training Assistance Programme, a total of 137,659 workers have managed to get jobs through the programme.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/govt-approves-rm1283-bil-psu-20-june-18-says-tengku-zafrul</p>
----	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan runcit berharap semua pusat beli-belah dan rangkaian runcit boleh dibuka semula pada 15 Julai, atau apabila sasaran 10 peratus vaksinasi dicapai. Sekiranya ekonomi terus ditutup secara berterusan, dijangka hampir 500 ribu pekerja yang terlibat dalam industri ini akan diberhentikan.
2. *Malaysian Aerospace Industry Association* (MAIA) menggesa kerajaan mempertimbang semula dan membenarkan industri berkenaan dan rantaiannya meneruskan operasi supaya negara mendapat tempat dalam arena aeroangkasa global. Penutupan hanya akan menggalakkan negara lain yang tidak terjejas teruk mengambil alih perniagaan industri ini. Hal ini akan memberi kesan buruk ke atas pekerja berkemahiran tinggi Malaysia.
3. Kebenaran bekerja bagi penduduk dalam kawasan dikenakan PKPD hanya diberikan kepada perkhidmatan perlu sahaja. Kebanyakan kawasan dalam Selangor dan beberapa lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikenakan PKPD bermula 3 hingga 16 Julai berikutan kes COVID-19 yang tinggi.
4. Bank Negara Malaysia menambah peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) bertujuan memberikan bantuan dan sokongan untuk pemulihan PKS dalam sektor perkhidmatan.

BNM juga akan menambah peruntukan untuk Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (AES) sebanyak RM2 bilion, yang terbuka kepada PKS daripada semua sektor ekonomi bertujuan untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan dan menyokong pertumbuhan.

5. Kerajaan telah meluluskan permohonan subsidi upah berjumlah RM1.283 bilion di bawah Program Subsidi Upah (PSU) 2.0 sehingga 18 Jun dan telah disalurkan kepada 75,262 majikan bagi meneruskan operasi dan mengekalkan pekerjaan melibatkan 659,066 pekerja. Melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan telah membolehkan seramai 137,659 orang berjaya mendapatkan pekerjaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Sorotan Pasaran Buruh ST1 2021, dinyatakan krisis ekonomi lazimnya mempunyai kesan terhadap dinamik pasaran buruh. Begitu juga dengan krisis kesihatan COVID-19 global, tidak terkecuali berdepan dengan kesan terhadap ekonomi. Di Malaysia, kesannya dirasai oleh pasaran buruh dengan kadar pengangguran meningkat kepada 5.1 peratus pada ST2 2020 berbanding dengan purata 3.3 peratus sebelum krisis. Sementara itu, permintaan pekerjaan oleh industri menyusut 2.7 peratus (236 ribu) kepada 8.38 juta berbanding antara 8.6 hingga 8.7 juta sebelum COVID.
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
 - iii) Penganggur: 742.7 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
 - iii) Penganggur: 771.8 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
 - i) Jawatan: 8,437.5 ribu

- ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
 - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
 - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)